



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

DATUK SYED MOHAMED SYED IBRAHIM DILANTIK PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF JCORP YANG BAHARU

JOHOR BAHRU, 9 JANUARI 2020: Johor Corporation (JCorp) hari ini mengumumkan pelantikan Yang Berbahagia Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim selaku Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation yang baharu berkuatkuasa hari ini.

Pelantikan beliau adalah untuk mengisi kekosongan jawatan itu selepas Yang Berhormat Dato' Kamaruzzaman bin Abu Kassim, bersara pada 31 Disember 2019.

Yang Berbahagia Datuk Syed Mohamed mempunyai pengalaman luas dan kepakaran lebih 34 tahun dalam bidang perbankan, korporat, pembangunan hartanah, teknologi dan strategi perniagaan. Beliau adalah pemegang Ijazah Ekonomi Analitik dari Universiti Malaya.

YAB Dato' Dr Sahrudin bin Haji Jamal, Menteri Besar Johor merangkap Pengerusi JCorp menjelaskan: ***Seluruh Ahli Lembaga Pengarah dan warga Kumpulan JCorp mengalu-alukan pelantikan Yang Berbahagia Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim selaku Presiden & Ketua Eksekutif JCorp yang baharu serta yakin beliau berupaya meneruskan kemapanan dan daya saing JCorp yang telah beroperasi lebih lima dekad berdasarkan peranannya selaku agen pembangunan negeri selaras dengan misi – Membina dan Membela.***

Sebelum dilantik menerajui konglomerat negeri Johor ini, Yang Berbahagia Datuk Syed Mohamed pernah menyandang jawatan Pengerusi FELDA Investment Corporation; Presiden & Pengarah Eksekutif Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd; Pengerusi Encorp Berhad; Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Iskandar Investment Berhad; Ketua Pegawai Eksekutif TH Properties Sdn Bhd serta Pengarah Kumpulan DRB-HICOM.

Yang Berbahagia Datuk Syed Mohamed memulakan kerjaya di Bank Bumiputera (M) Bhd dan Bank Rakyat sebelum menyertai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (kini JCorp) pada tahun 1989 hingga 1993.

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Ibrahim Johor dan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor.

-Tamat-

Dikeluarkan oleh: Johor Corporation
Keterangan lanjut sila hubungi: Jabatan Komunikasi Strategik.
Tel: 07-219 2692.